



4HAD 1/4/18 BERTTA HARIAN M/S 25

Bantahan memuncak

Penduduk Palestin berkabung mengusung jenazah Ibrahim Abu Shaer yang terbunuh angkara tentera Israel di Rafah, Gaza, semalam.

➔ Puluhan ribu penduduk Gaza mahu 'balas dendam' kekejaman Israel

► Gaza

Pertempuran meletus ketika puluhan ribu penduduk Gaza bersiap sedia berarak untuk melakukan bantahan lanjutan berhampiran sempadan Israel semalam.

Tindakan itu sehari selepas bantahan besar-besaran menjurus persembungan yang menyaksikan tentera Israel membunuh 16 penduduk Palestin dalam sehari sejak perang Gaza pada 2014.

Bantahan kembali ke bandar khemah didirikan berhampiran sempadan dengan Israel untuk meneruskan demonstrasi selama enam minggu di wilayah terkepung itu.

Ribuan menghadiri upacara penge-

Kementerian Kesihatan Gaza berkata, 16 terkorban manakala lebih 1,400 lain cedera, termasuk 758 terkena peluru hidup.

Sementara yang lain cedera dibedil peluru getah dan gas pemedih mata.

Tiga lokasi Hamas jadi sasaran

Tentera Israel menyasar tiga lokasi Hamas di Semenanjung Gaza dengan bedilan kereta kebal dan serangan udara selepas apa yang dikatakan cubaan menembak anggotanya di sepanjang sempadan namun tidak mendatangkan sebarang kecederaan.

Penunjuk perasaan, termasuk wanita dan kanak-kanak, berkumpul di pelbagai lokasi seluruh wilayah terkepung itu, yang dikawal Israel sepanjang sempadan timur dan utaranya.

Sebilangan kecil penunjuk perasaan mendekati pagar sempadan yang dikawal ketat itu, dengan tentera Israel menggunakan gas pemedih mata dan peluru hidup untuk memaksa mereka berpatah balik.

Pasukan keselamatan Israel menggunakan dron untuk menembak gas pemedih mata ke arah penduduk

hidup oleh Israel.

Sementara itu, Presiden Palestin Mahmoud Abbas mengisytiharkan semalam hari perkabungan negara dan dalam ucapan berkata, Israel bertanggungjawab sepenuhnya atas kematian mangsa.

Campur tangan lindungi Palestin

"Jumlah besar mangsa yang syahid dan penduduk yang cedera dalam bantahan damai popular menunjukkan masyarakat antarabangsa perlu campur tangan untuk memberi perlindungan kepada penduduk Palestin," katanya.

Bantahan enam minggu sebagai sokongan ke atas pelarian Palestin dan tarikh dipilih pada 'Hari Tanah' ketika ulang tahun pembunuhan enam warga Arab pada 1976, menambah ketegangan ketika Yahudi meraikan Passover kelmarin.

Bantahan akan diteruskan sehingga Amerika Syarikat (AS) membuka kedutaan baharu di Baitulmaqdis sekitar 14 Mei ini, tindakan mencetuskan kemarahan mendalam di kalangan Palestin.

14 Mei juga menandakan ulang tahun ke-70 penubuhan Israel, sementara Palestin menyambut Nakba

Fakta nombor

**1,400
CEDERA**

**758
MANGSA**

peluru hidup